

LAPORAN PELAKSANAAN PERKONGSIAN AUDIT DALAM UNIVERSITI AWAM ZON TIMUR

1.0 PENDAHULUAN

Perkongsian Audit Dalam Universiti Awam Zon Timur adalah merupakan salah satu inisiatif penyampaian maklumat berkaitan audit sebagaimana yang ditetapkan dalam Mesyuarat Ketua Audit Dalam Universiti Awam (MKAD).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Perkongsian ini bertujuan untuk memperkukuhkan pemahaman bersama serta meningkatkan keberkesanan pelaksanaan audit diantara Universiti Awam.
- 2.2 Selain itu ianya juga bagi meningkatkan kecekapan dan kualiti fungsi audit dalaman.
- 2.3 Perkongsian Audit Dalam Universiti Awam Zon Pantai Timur diadakan di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) yang melibatkan empat (4) universiti iaitu:
 - i. Universiti Malaysia Kelantan (UMK);dan
 - ii. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA);
 - iii. Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).
 - iv. Universiti Malaysia Terengganu (UMT);
- 2.4 Perkongsian ini telah diadakan 7 Mei 2026 bertempat di Kampus Kota, Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Ianya disertai oleh 18 orang pegawai Audit Dalam daripada keempat-empat Universiti Awam Zon Timur.

3.0 AKTIVITI PROGRAM

3.1 Perkongsian Daripada Universiti Malaysia Kelantan (UMK) - Pengauditan Pengurusan Anak Syarikat

Audit Dalam UMK telah Laporan Pengauditan Pengurusan Anak Syarikat. Penemuan berkaitan auditan ini adalah berkaitan tadbir urus dan pengurusan anak syarikat (UMKBV), prestasi kewangan dan operasi perniagaan.

Secara ringkasnya, kadar kebergantungan operasi perniagaan UMKBV dengan UMK adalah tinggi iaitu mencecah 99% dalam tahun 2020-2022. Selain itu, antara penemuan utama adalah berkaitan kelemahan pemantauan KPI dan SOP Pengurusan Sumber Manusia dan Kewangan.

3.2 Perkongsian Daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) – Auditan Penyata Kewangan Geran Tertunda

Audit Dalam UniSZA telah berkongsi Laporan Auditan Penyata Kewangan. UniSZA telah melaksanakan Auditan Penyata Kewangan bermula tahun 2015. Auditan ini melibatkan sama ada elemen dalam Penyata Kewangan mahupun keseluruhan Penyata Kewangan itu sendiri.

Auditan ini dilaksanakan berdasarkan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 yang menunjukkan peningkatan Geran Tertunda yang amat ketara berbanding tahun 2022. Ianya melibatkan Geran Pembangunan, Geran Penyelidikan dan Geran Amanah.

Antara penemuan-penemuan utama adalah geran berbaki negatif, tiada pergerakan baki geran melebihi 3 tahun dan perbezaan rekod di fakulti dan Pusat Tanggungjawab (PTj) yang berkaitan.

3.3 Perkongsian Daripada Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) – AP 59

Secara ringkas, AP59 merupakan mekanisme pembayaran luar biasa untuk melindungi kepentingan pembekal yang telah melaksanakan kerja dengan sempurna, walaupun berlaku pelanggaran prosedur kewangan.


Pada masa yang sama, AP59 memastikan akauntabiliti pegawai kerajaan ditegakkan melalui siasatan dan tindakan sewajarnya terhadap ketidakpatuhan yang berlaku.

3.4 Perkongsian Daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT) – Global Internal Audit Standard (GIAS)


Global Internal Audit Standard (GIAS) yang berkuatkuasa 9 Januari 2025 merupakan evolusi dari International Profesional Practice Framework (IPPF) 2017 yang dikeluarkan oleh The Institute of Internal Audit Malaysia (IIAM). Ianya merangkumi 5 domain, 15 Prinsip, 52 Standard dan 280 keperluan.


Audit Dalam UMT berkongsi berkaitan pelaksanaan Penilaian Kualiti Dalaman yang telah dilaksanakan pada tahun 2026. Perkongsian ini amat membantu kepada UA lain yang masih belum melaksanakan penilaian tersebut.

4.0 SOROTAN AKTIVITI













5.0 PENUTUP

Program Perkongsian Audit Dalam Universiti Awam Zon Timur telah berjaya dilaksanakan dengan lancar serta mencapai objektif yang telah ditetapkan. Program ini telah menyediakan platform yang berkesan untuk perkongsian ilmu, pengalaman, amalan terbaik dan isu-isu semasa berkaitan fungsi audit dalam kalangan universiti awam Zon Timur.

Sehubungan itu, adalah diharapkan agar program seumpama ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi memastikan fungsi audit dalam sentiasa relevan, berdaya saing dan mampu menyokong kecemerlangan pengurusan universiti secara berterusan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK), semua urus setia, penceramah dan peserta yang telah memberikan komitmen serta kerjasama sepanjang program ini berlangsung.

Disediakan oleh,
(ABDUL HADI BIN NAYAN)
Ketua
Unit Audit Dalam
Universiti Sultan Zainal Abidin